

CIN CAO GAO CAP TAI CHI

Methyl Salicylate 32% w/w, Menthol 10% w/w, Camphor 3% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cin Cao Gao
2. Bagaimana Cin Cao Gao berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cin Cao Gao
4. Cara menggunakan Cin Cao Gao
5. Semasa menggunakan Cin Cao Gao
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cin Cao Gao
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Cin Cao Gao

Ia digunakan untuk melegakan kesakitan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan reumatisme.

Bagaimana Cin Cao Gao berfungsi

Methyl salicylate, *menthol* dan *camphor* adalah analgesik luaran yang merangsang rasa kehangatan dan/ atau sejuk. Ini menghasilkan tindakbalas yang merengsa yang memberikan kelegaan sementara sakit ringan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, arthritis, ketegangan dan seliuh.

Sebelum menggunakan Cin Cao Gao

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna sekiranya anda alah terhadap sebarang bahan kandungan lain dalam Cin Cao Gao ini.

- Sebelum menggunakan

Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memerhati sama ada ketidakselesaan atau gatal berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang lebih besar. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

Penyapuan yang berlebihan oleh pesakit yang mengambil warfarin mungkin meningkatkan risiko perdarahan.

Cara menggunakan Cin Cao Gao

- Berapa banyak harus digunakan

Gosok pada bahagian terbahit 3 hingga 4 kali sehari.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Keracunan salisilat kronik ringan atau salisilisme biasanya berlaku hanya selepas penggunaan berulang kali dengan dos yang besar. Salisilisme juga boleh berlaku berikutan penggunaan salisilat topikal yang berlebihan. Gejala termasuk pening, tinitus, pekak, sumpah, mual dan muntah, sakit kepala dan kekeliruan. Ini boleh dikawal dengan mengurangkan dos.

Semasa menggunakan Cin Cao Gao

- Perkara yang perlu dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini tidak sesuai untuk bayi di bawah umur 2 tahun dan perhatian perlu diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas apabila menggunakannya. Sapu ubat yang mengandungi camphor pada hidung kanak-kanak adalah berbahaya kerana boleh menyebabkan pengsan.

Elakkan bersentuhan dengan mata dan membran mukus. Jangan sapu pada luka atau kulit yang rosak. Elakkan penggunaan yang berlebihan semasa kehamilan dan penyusuan. Jangan gunakan secara meluas pada bahagian badan atau membalut.

Tanya penjagaan perubatan kesihatan anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan Cin Cao Gao.

Kesan-kesan sampingan

Iritasi kulit, kemerahan, bengkak, rasa pedih berlaku Reaksi buruk jarang berlaku, simptom pening, loya boleh berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan White Balsem

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Product Description

- Rupa dan warna produk

Ointment berwarna hijau dengan bau yang tersendiri.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Menthol, camphor, methyl salicylate

- Bahan tidak aktif
Chlorophyll oil, pine oil, white soft paraffin, hard paraffin

- Nombor MAL:

MAL05121205X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Wellmetech Pharmaceutical Industries Sdn Bhd

Lot 8058, Kota Samarahan Industrial Park 94300, Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

5.8.2021

Nombor Siri

NPRA(R2/1)210802/722